



Implikasi Perkahwinan yang Tidak Mengikut Undang-undang Keluarga Islam

Aspek	Implikasi
Status Perkahwinan	• Perkahwinan tidak sah. • Perkahwinan terpaksa dibubarkan (faraq) kerana tidak menepati syarak. • Perkahwinan terpaksa disembunyikan atau dirahsiakan dari pengetahuan umum dalam jangka masa yang lama terutama pengetahuan isteri pertama yang berkaitan kes poligami tanpa kebenaran mahkamah.
Pasangan	• Boleh didenda jika sabit dengan kesalahan berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul bagi negeri masing-masing. • Terpaksa dipisahkan (mufaraqah) jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syarak. • Boleh didakwa berkhalwat atau berzina atas alasan bersekedudukan dengan pasangan bukan mahram walaupun pada zahirnya, perkahwinan mereka sah di sisi syarak tetapi dokumen pengesahan perkahwinan dari Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk tidak dapat dibuktikan oleh pasangan.
Perempuan/ Isteri	• Apabila berlaku perpisahan atau kematian di antara pasangan, dia tidak mempunyai asas dalam membuat sebarang tuntutan seperti mutaah, nafkah, hadanah, harta sepencarian dan tuntutan harta pusaka yang pada kebiasaannya memang menjadi hak perempuan atau bekas isteri. • Sukar membuat tuntutan untuk membatalkan perkahwinan sedia ada sekiranya berlaku ketidakadilan atau layanan buruk dari pihak suami mahupun keganasan dalam rumah tangga. • Tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya kerana semua tindakan yang hendak diambil terhadap suami yang tidak bertanggungjawab akan tergantung dan tertangguh sehingga status perkahwinan dapat diselesaikan oleh pihak Mahkamah Syariah.
Anak-anak	• Melahirkan zuriat yang tidak sah taraf/ anak zina. • Kesukaran mendaftarkan kelahiran anak untuk mendapat sijil kelahiran. • Nasib anak-anak akan menjadi lebih teruk, tiada pembelaan dan tiada perlindungan dari Undang-undang Keluarga Islam akibat sikap ibu bapa berterusan mendiamkan status perkahwinan mereka. • Tanpa mendapatkan sijil kelahiran anak-anak secara sah satustnya tetap dianggap anak luar nikah.
Keluarga	• Nama baik keluarga kedua belah pihak akan tercemar apabila mereka melanggar peraturan perkahwinan yang ditetapkan seperti kahwin lari. • Timbul perasaan benci membenci antara keluarga kedua belah pihak menyebabkan perbalahan dalam masa yang lama. • Memutuskan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga kedua belah pihak hingga memberi kesan kepada perkahwinan.
Masyarakat/ Sosial	• Menjadi kucar kacir kerana tidak menghormati undang-undang yang dikuatkuasakan. • Mewujudkan masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan berdisiplin hingga sewenang-wenangnya melanggar undang-undang.